

LATIHAN KARANGAN RINGKASAN (ULANGKAJI)

baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang peranan pusat sumber sekolah. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 100 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Pusat Sumber Sekolah (PSS) merupakan gedung ilmu, iaitu tempat untuk mendapatkan pelbagai informasi yang diperlukan oleh setiap warga sekolah. Pusat Sumber sekolah berfungsi sebagai pusat untuk menyediakan, menyimpan, mengedarkan, dan memberikan perkhidmatan koleksi bahan. Sama ada bersaiz sekadar sebuah bilik darjah ataupun berdiri megah berbentuk bangunan sendiri, pusat sumber sekolah berpotensi besar dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan tahap intelektual warga sekolah, khususnya murid. Usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu menjadi satu fokus tahunan pusat sumber sekolah. Pusat sumber sekolah dapat mengadakan kolaborasi dengan Panitia bahasa Melayu dalam program peningkatan akademik.

Pusat sumber sekolah juga merupakan tempat berlakunya segala kegiatan yang bertujuan untuk meningkatkan pencapaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Konsep pusat sumber sekolah ini berkaitan dengan konsep pendidikan moden, iaitu untuk mewujudkan keadaan belajar secara sendiri. Oleh yang demikian, guru boleh menentukan kehendak muridnya dan merancang sesuatu bagi memupuk keperluan dan kehendak yang tersendiri. Pusat sumber sekolah sememangnya dapat membantu dan membaiki kualiti pendidikan negara agar dapat memberikan asas yang kukuh bagi membentuk masyarakat berpengetahuan. Oleh itu, golongan pendidik sentiasa diingatkan agar menghasilkan pengajaran yang berkesan.

Di samping itu, pusat sumber sekolah mampu menyediakan bahan-bahan yang mudah dan murah, tetapi berkesan kepada guru dan murid. Jadi, pusat sumber sekolah disediakan bertujuan untuk memajukan sumber pelbagai media bagi kegunaan guru dan murid. Tegasnya, dapatlah dikatakan bahawa peranan pusat sumber sekolah sangat luas. Di samping memupuk minat gemar membaca dan membuat penyelidikan, diharapkan ketika murid memanfaatkan pusat sumber sekolah, mereka akan menjadi murid yang berdedikasi, berfikiran matang, berdisiplin, dan dapat mengembangkan bakat, serta kebolehan mereka berdasarkan minat dan kecenderungan masing-masing.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Pusat Sumber Meningkatkan Penguasaan Bahasa Melayu", oleh Zuridah Hanim Md. Akhir, Pelita Bahasa)